

No. Soalan:

No. 120 PR-1332-T68387

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS

DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]

SOALAN : Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah usul yang melibatkan undang-undang negara akan dibincangkan di Persidangan ASEAN 2015 dalam memastikan tiada campur tangan pihak asing terhadap perundangan sesebuah negara demi hubungan kerjasama dan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Simpong Renggam atas soalan beliau.

2. Setakat ini tiada usul yang melibatkan undang-undang negara akan dibincangkan di Persidangan ASEAN 2015 memandangkan ia bukanlah suatu keperluan setakat ini.

3. Isu-isu berkaitan undang-undang di peringkat ASEAN pada kebiasaannya dibincangkan semasa Mesyuarat Menteri Undang-Undang ASEAN (*ASEAN Law Ministers Meeting - ALAWMM*) dan juga semasa Mesyuarat Pegawai Kanan Undang-Undang ASEAN (*ASEAN Senior Law Officers Meeting - ASLOM*).

4. Bagi memastikan persahabatan dan kerjasama yang berterusan, ASEAN mengamalkan prinsip tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman dan menghormati kedaulatan Negara-negara Anggotanya seperti yang termaktub di dalam Piagam ASEAN. Piagam ASEAN turut memperuntukkan dengan jelas bahawa ASEAN dan Negara Anggotanya hendaklah menghormati hak setiap Negara Anggotanya untuk memerintah dan mentadbir negaranya sendiri bebas daripada campur tangan luar, perbuatan subversif dan paksaan. Walau bagaimanapun, Negara-negara Bukan Anggota ASEAN juga terikat kepada prinsip tersebut memandangkan perkara ini adalah selaras dengan prinsip tidak campur tangan (*principle of non-interference*) yang

digariskan di dalam undang-undang antarabangsa dan digunakan oleh semua negara.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK NOOR
EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah Doktor Pakar Saraf yang berkhidmat di Pusat Perubatan Universiti Malaya dan adakah jumlah doktor pakar dalam bidang ini mencukupi dengan jumlah pesakit yang memerlukan rawatan insentif.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini Pusat Perubatan universiti Malaya (PPUM) mempunyai tenaga Pakar Perubatan Neurologi seramai 12 orang manakala tenaga Pakar Bedah Neurosurgeri sebanyak 10 orang. PPUM berpendapat bilangan tenaga pakar saraf sedia ada adalah mencukupi dengan jumlah pesakit saraf yang mendapatkan rawatan. Walau bagaimanapun, bilangan tenaga Pakar Perubatan Neurologi dan Pakar Bedah Neurosurgeri ini akan ditambah dari semasa ke semasa selaras dengan pertambahan pesakit yang mendapatkan rawatan di PPUM. Perancangan dan unjuran keperluan tenaga pakar jangka panjang telah disediakan agar perkhidmatan perawatan yang diperlukan tidak terjejas.